

24/10/1998

RM313 juta promosi industri pelancongan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Belanjawan negara tahun depan memperuntukkan RM313 juta untuk promosi galakan pelancongan dan pelaburan ke luar negara sebagai langkah utama memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata daripada jumlah itu RM170 juta adalah untuk industri pelancongan dan RM143 juta bagi aktiviti promosi ke luar negara.

Ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Dewan Rakyat hari ini, beliau berkata Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan melaksanakan tindakan lebih agresif dan bersepadu untuk 'memikat' dan meyakinkan lebih ramai pelabur asing ke negara ini.

Mengenai industri pelancongan pula, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji semula strategi pelancongan dan peruntukan tambahan akan dipertimbangkan.

Katanya, kerajaan menjangkakan 7.2 juta pelancong akan melawat negara ini tahun depan, berbanding 6.8 juta tahun ini dan hasil pendapatan pertukaran asing dijangka meningkat kepada RM14.4 bilion pada 1999 berbanding RM12.8 bilion tahun ini.

Bagi mengawal pengaliran wang keluar negara, Dr Mahathir berkata pengecualian cukai percutian ke luar negara, dihadkan kepada RM3,000 dan bagi percutian di dalam negara pula, pengecualian cukai dikekalkan untuk perjalanan dalam negeri sebanyak tiga kali setahun. Ini meningkatkan pelancongan dalam negara.

Beliau berkata, negara mempunyai Kompleks Sukan Negara, Panggung Negara, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Philharmonik Petronas yang menyediakan kemudahan bertaraf antarabangsa dan ia hendaklah digunakan sepanjang tahun supaya dapat dimanfaatkan pada paras optimum.

Selaras dengan hasrat itu, kerajaan akan memberikan galakan cukai seperti berikut:

- \* Pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan yang diperolehi bukan pemastautin yang membuat pertunjukan kebudayaan dan kesenian, pameran dan mengambil bahagian dan permainan atau pertandingan sukan;

- \* Penganjur aktiviti sukan kebudayaan, kesenian, pameran dan pesta yang melibatkan penyertaan negara asing diberikan pengecualian cukai sebanyak 50 peratus ke atas pendapatan yang diperolehinya;

- \* Tiket masuk bagi menyaksikan persembahan kebudayaan dan kesenian, pameran, pesta dan pertandingan sukan diberi pengecualian duti hiburan, dan

- \* Syarikat yang beroperasi di Zon Perindustrian Bebas atau sebagai Gudang Pengilang Berlesen diberi kemudahan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang dijual di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil melalui pesta jualan yang diluluskan.

Belanjawan 1999 juga memberi pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pelumba kereta Formula One dan perlumbaan bermotor lain yang diiktiraf yang diadakan di Malaysia dan penganjur perlumbaan-perlumbaan itu pula diberi pengecualian cukai sebanyak 50 peratus ke atas pendapatan yang diperolehi.

Dr Mahathir berkata, sukan kenderaan bermotor terbukti dapat menarik pelancong dan negara ini akan menganjurkan perlumbaan Formula One tahun depan dan ia boleh dijadikan acara tahunan untuk menarik minat pelancong mengunjungi negara ini.

Untuk memikat lagi pelancong asing kelas atasan seperti pemilik bot

mewah dan kapal layar untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi mereka, adalah wajar jika terdapat satu pusat yang moden bagi membaiki dan menyelenggara bot mewah dan kapal layar.

Selaras dengan itu, beliau mencadangkan supaya aktiviti sedemikian di pulau itu diberikan pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun.

(END)